



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENENTUAN KATA KERJA BAHASA ARAB MELALUI STRATEGI
PEMBELAJARAN TATABAHASA DALAM KALANGAN PELAJAR
UNIVERSITI***

TUAN NUR IZZATI BINTI TUAN AB. RASHID

FBMK 2018 8



**PENENTUAN KATA KERJA BAHASA ARAB MELALUI STRATEGI
PEMBELAJARAN TATABAHASA DALAM KALANGAN PELAJAR
UNIVERSITI**

Oleh

TUAN NUR IZZATI BINTI TUAN AB. RASHID

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Disember 2017

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta @ Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera.

**PENENTUAN KATA KERJA BAHASA ARAB MELALUI STRATEGI
PEMBELAJARAN TATABAHASA DALAM KALANGAN PELAJAR
UNIVERSITI**

Oleh

TUAN NUR IZZATI BINTI TUAN AB. RASHID

Disember 2017

Pengerusi : Nik Farhan binti Mustapha, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Penguasaan tatabahasa amat penting dalam pembelajaran bahasa Arab terutamanya dalam menguasai kata kerja. Namun begitu, dapatan kajian lalu telah membuktikan bahawa penguasaan tatabahasa termasuk kata kerja dalam kalangan pelajar masih lagi berada pada tahap yang lemah. Dalam hal ini, para sarjana telah mengaitkan hubungan antara penguasaan tatabahasa dengan penggunaan pelajar terhadap strategi pembelajaran tatabahasa. Oleh itu, kajian ini cuba meneliti strategi para pelajar dalam menentukan kata kerja bahasa Arab melalui strategi pembelajaran tatabahasa (SPT). Justeru, kajian ini akan mengenal pasti penentuan pelajar terhadap kata kerja bahasa Arab secara implisit dan eksplisit melalui SPT serta menganalisis kekeliruan mereka dalam menentukan kata kerja ini. Kajian kualitatif ini melibatkan responden seramai lima (5) orang pelajar tahun akhir Bachelar Bahasa Asing Pengkhususan Bahasa Arab, Universiti Putra Malaysia. Mereka telah diminta untuk menentukan tiga (3) jenis kata kerja; iaitu kata kerja kala lampau, kata kerja kini dan kata kerja imperatif semasa menjawab satu instrumen yang mengandungi 21 item. Sesi temu bual bagi mengenal pasti strategi mereka dalam menentukan kata kerja dijalankan sebaik selesai tugas menjawab. Data rakaman temu bual tersebut kemudiannya dianalisis berdasarkan SPT secara implisit dan eksplisit. Hasil kajian penentuan kata kerja melalui SPT secara implisit menunjukkan faktor sendiri pelajar yang berkait dengan pengalaman pembelajaran, keyakinan dan kefahaman menjadi strategi utama yang membantu responden menentukan kata kerja dengan betul. Selain itu, maksud keseluruhan ayat dan struktur ayat turut menjadi strategi pilihan responden dalam penentuan ini. Responden juga amat bergantung pada kata kerja yang sering digunakan semasa sesi pembelajaran sebagai strategi mereka. Namun begitu, mereka didapati kerap kali menentukan kata kerja secara meneka apabila kurang yakin terhadap kemampuan diri atau kefahaman mereka terhadap kaedah tatabahasa yang telah dipelajari. Dapatan kajian penentuan kata kerja melalui SPT secara eksplisit pula menunjukkan responden hanya menggunakan strategi yang melibatkan kaedah tatabahasa bagi kata kerja dasar berbanding dengan kata kerja berimbuhan, hingga menyebabkan mereka tidak dapat

menentukan kata kerja trilateral berimbuhan dengan baik. Di samping itu, mereka juga menggunakan strategi yang berkait dengan pola, terutamanya kata kerja yang berpolakan فاعل. Dari aspek kekeliruan pula, terdapat empat (4) bentuk kekeliruan yang dihadapi oleh responden; iaitu kekeliruan dalam menentukan jenis kata kerja, terutamanya kata kerja imperatif, kekeliruan dalam menentukan pola, kekeliruan dalam membezakan kata dasar dan juga kata berimbuhan, serta kekeliruan dalam menentukan baris kata kerja. Secara umumnya, kajian ini menunjukkan bahawa responden telah melakukan pelbagai usaha bagi menentukan kata kerja serta mengadaptasikan pelbagai SPT mengikut konteks ayat.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Arts

DETERMINATION OF ARABIC VERBS THROUGH GRAMMAR LEARNING STRATEGIES AMONG UNIVERSITY STUDENTS

By

TUAN NUR IZZATI BINTI TUAN AB. RASHID

December 2017

Chairman : Nik Farhan binti Mustapha, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

Grammar proficiency in learning Arabic language is very important especially in mastering the verb. However, previous studies have proved that grammar proficiency including verbs among students is still weak. In this matter, academic scholars have associated the relationship between grammar proficiency and the student's practicing towards the strategies of grammar learning. Therefore, this study was conducted to look in-depth into student's strategies in determining the Arabic verbs through grammar learning strategies (GLS). This study hence would identify the student's ability in determining the implicit and explicit of Arabic verbs through grammar learning strategies (GLS) as well as analysing their confusion in determining the verbs. This qualitative study involved five (5) respondents of final year students of Bachelor of Foreign Language majoring in Arabic Language in Universiti Putra Malaysia. They have been asked to determine three (3) types of verbs which are past tense, present tense and imperative in a survey consisting of 21 items. Interview session was done afterwards to identify their strategies in determining the verbs. Then, the recorded data of the interview was analysed implicitly and explicitly based on GLS. The findings of the implicit verb determination showed that the student's self factor such as learning experience, level of confidence and level of understanding were the main strategies in helping them to identify the correct verbs. Besides, the meaning of the whole sentence and the structure of the sentence also became the preferred strategies of the respondents in this determination. Respondents also relied prominently on verbs which were frequently used during learning session as their strategies. However, they often found to determine the verbs by guessing when they felt less confident about their ability or understanding of the learnt grammar. The findings of explicit verb determination through GLS indicated that the respondents only used the strategies which involved grammatical methods of basic verb rather than affix verb, in which causing them failed to determine the affix appropriately. In addition, they also used strategies related to pattern especially verbs of فاعل pattern based. In term of confusion aspect, there were four (4) types of confusion faced by the respondents which were type of verbs determination especially imperative verbs, pattern determination, basic and affix verbs

differentiation and also lines of the Arabic verbs identification. Generally, this study showed that the respondents had done numerous efforts in order to determine verbs and adapt the various GLS according to the context of sentences.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah segala puji dipanjatkan kepada Allah S.W.T kerana dengan rahmat dan hidayahNya atas segala nikmat yang tidak terhingga banyaknya. Selawat dan salam juga diatitkan ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W.

Setinggi-tinggi ucapan keramat penghargaan dan jutaan terima kasih buat penyelia, Dr. Nik Farhan binti Mustapha yang banyak memberi tunjuk ajar, sokongan yang jitu serta kesabaran beliau dalam membimbing sepanjang penyelesaian kajian ini. Jutaan terima kasih buat Dr. Muhd Zulkifli bin Ismail atas tunjuk ajar dan nasihat yang diberikan. Tidak lupa juga ribuan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah Unit Bahasa Arab, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia yang secara tidak langsung terlibat atas curahan ilmu dan nasihat yang sangat bermanfaat.

Pada kesempatan ini juga jutaan terima kasih yang ikhlas kepada rakan-rakan seperjuangan atas nasihat yang bersemangat, sumbangan idea, bahan ilmiah, bantuan kemudahan penyelidikan dan sebagainya dalam menjayakan kajian ini.

Sekalung penghargaan sulaman kasih kepada suami tercinta Mohd Zambry bin Mat Din atas dorongan dan sokongan daripadanya membuka ruang dalam menyiapkan kajian ini dengan suksesnya di samping anak-anak tercinta Tuan Muhammad Irsyad Zakwan, Tuan Nur Insyirah Zulaikha dan Tuan Muhammad Iman Zayyaan. Ucapan jutaan penghargaan ini juga saya tujukan khas kepada ibu bapa yang banyak memberi peringatan terhadap setiap apa yang saya telah alpa. Buat abah Tuan Ab. Rashid bin T. Mat dan juga ma, Hasnah binti Mat atas sokongan dan doa yang tidak putus. Sekalung penghargaan teristimewa buat adik-adik terutama Tuan Nur Izzah yang banyak membantu dan sentiasa memahami serta memberi semangat, tidak lupa juga kepada Tuan Nur Izzat Syazwan dan Tuan Nur Izzat Syazlan turut memberi sokongan untuk terus menyiapkan kajian ini.

Akhir sekali, moga usaha dan kajian ini dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya dan diperkembangan kepada ilmu-ilmu lain. Insya Allah.

Tuan Nur Izzati binti Tuan Ab. Rashid
Jerteh, Terengganu
2017

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Nik Farhan binti Mustapha, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Muhd Zulkifli bin Ismail, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/ fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Tuan Nur Izzati binti Tuan Ab. Rashid (GS31394)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____

Nama Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan: Nik Farhan binti Mustapha

Tandatangan : _____

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan: Muhd Zulkifli bin Ismail

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
JADUAL TRANSLITERASI	xvii
 BAB	
1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	2
1.4 Persoalan Kajian	3
1.5 Objektif Kajian	3
1.6 Kepentingan Kajian	4
1.7 Batasan Kajian	4
1.8 Definisi Operasional	5
1.8.1 Kata Kerja Dasar	5
1.8.2 Kata Kerja Berimbuhan	5
1.8.3 Kata Kerja Trilateral	5
1.8.4 Kata Kerja <i>Rubā'iy</i>	6
1.8.5 Derivasi	6
1.8.6 Infleksi	6
1.8.7 Strategi Pembelajaran Tatabahasa (SPT)	6
1.8.8 Tatabahasa	6
1.8.9 Pembelajaran secara Implisit	7
1.8.10 Pembelajaran secara Eksplisit	7
1.9 Kesimpulan	7
 2 KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	8
2.2 Tatabahasa	8
2.3 Kata Kerja Dalam Bahasa Arab	9
2.3.1 Kata Kerja Kala Lampau	10
2.3.2 Kata Kerja Kini	14
2.3.3 Kata Kerja Imperatif	18
2.4 Pola Kata Kerja	22
2.4.1 Pola Trilateral	22
2.4.2 Pola <i>Rubā'iy</i>	24

2.5 Isu dalam Kajian Tatabahasa Arab	24
2.5.1 Isu Penguasaan Tatabahasa Arab	24
2.5.2 Isu Kesilapan dalam Penguasaan Morfologi Arab	25
2.6 Straregi Pembelajaran Tatabahasa (SPT)	27
2.6.1 Strategi Pembelajaran Tatabahasa secara Implisit	28
2.6.2 Strategi Pembelajaran Tatabahasa secara Eksplisit	28
2.7 Isu dalam Strategi Pembelajaran Bahasa dan Strategi Pembelajaran Tatabahasa	30
2.7.1 Isu dalam Strategi Pembelajaran Tatabahasa (SPT)	30
2.7.2 Isu Persamaan dan Perbezaan SPT dengan SPB	31
2.8 Kesimpulan	32
3 METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	33
3.2 Reka Bentuk Kajian	33
3.2.1 Lokasi Kajian	33
3.2.2 Responden Kajian	34
3.2.3 Instrumen Kajian	35
3.3 Kerangka Konsep	38
3.4 Kajian Rintis	38
3.5 Prosedur Pengumpulan Data	40
3.5.1 Melaksanakan Tugas	40
3.5.2 Kaedah Temu Bual	40
3.6 Prosedur Analisis Data	41
3.6.1 Transkripsi	41
3.6.2 Pengekodan	41
3.6.3 Pengkategorian	43
3.7 Kesimpulan	44
4 ANALISIS DAN PERBINCANGAN	
4.1 Pengenalan	45
4.2 Hasil Analisis Data	45
4.3 Analisis Penentuan Kata Kerja Bahasa Arab Melalui SPT secara Implisit	46
4.4 Analisis Penentuan Kata Kerja Bahasa Arab Melalui SPT secara Eksplisit	57
4.5 Analisis Kekeliruan Pelajar dalam Menentukan Kata Kerja Bahasa Arab	71
4.6 Kesimpulan	77
5 RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1 Pengenalan	79
5.2 Rumusan Dapatan	79
5.2.1 Rumusan penentuan kata kerja bahasa Arab melalui SPT secara implisit	79
5.2.2 Rumusan penentuan kata kerja bahasa Arab melalui SPT secara eksplisit	80

5.2.3 Rumusan kekeliruan pelajar dalam menentukan kata kerja bahasa Arab	81
5.3 Cadangan untuk Bidang Pengajaran dan Pembelajaran Tatabahasa Arab	81
5.4 Cadangan untuk Kajian Lanjutan	82
5.5 Kesimpulan	83

RUJUKAN	84
LAMPIRAN	92
BIODATA PELAJAR	104



SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
2.1	Derivasi Kata Kerja Kala Lampau Trilateral Dasar dan Berimbuhan	11
2.2	Infleksi Kata Kerja Kala Lampau Trilateral Dasar	12
2.3	Infleksi Kata Kerja Kala Lampau Trilateral Berimbuhan	13
2.4	Derivasi Kata Kerja Kini Trilateral Dasar dan Berimbuhan	15
2.5	Infleksi Kata Kerja Kini Trilateral Dasar	16
2.6	Infleksi Kata Kerja Kini Trilateral Berimbuhan	17
2.7	Derivasi Kata Kerja Imperatif Trilateral Dasar dan Berimbuhan	19
2.8	Infleksi Kata Kerja Imperatif Trilateral Dasar	20
2.9	Infleksi Kata Kerja Imperatif Trilateral Berimbuhan	21
2.10	Pola Trilateral Dasar	22
2.11	Pola Trilateral Berimbuhan	23
3.1	Pola Trilateral Dasar dan Trilateral Berimbuhan yang Berpadanan dengan Perkataan Kata Kerja	36

SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
2.1 Strategi Pembelajaran Tatabahasa	27
3.1 Kerangka Konsep SPT	38
4.1 Tema dan Pengkategorian Penentuan Kata Kerja	46
4.2 Penentuan secara Implisit	47
4.3 Penentuan secara Implisit Melalui Tekaan	47
4.4 Penentuan secara Implisit Melalui Faktor Kendiri	53
4.5 Penentuan secara Eksplisit	57
4.6 Penentuan secara Eksplisit Melalui Kaedah Tatabahasa	58
4.7 Kekeliruan Pelajar dalam Menentukan Kata Kerja	72

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Halaman
A	Item Tugas	92
B	Transkripsi Temu Bual	93
C	Rujukan Tatatanda Transkripsi Temu Bual	101
D	Pengesahan Instrumen Kajian	102
E	Pengesahan Pengekodan dan Tema Transkrip Temu Bual	103

SENARAI SINGKATAN

Cet.	Cetakan
et al.	ditulis oleh lebih daripada dua orang penulis
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
Jil.	Jilid
S.A.W	Ṣalla' Llāhu 'alay-hi wa sallam
Sdn. Bhd.	Sendirian Berhad
SPB	Strategi Pembelajaran Bahasa
SPT	Strategi Pembelajaran Tatabahasa
S.W.T	Subḥāna-hu wa Ta'āla
UPM	Universiti Putra Malaysia

JADUAL TRANSLITERASI

Konsonan pada huruf Arab tidak selamanya sepadan dengan huruf Rumi. Pada beberapa konsonan tertentu, konsonan tersebut boleh dirumikan, tetapi pada beberapa konsonan tertentu yang lain, terpaksa dilakukan beberapa tambahan. Hal tersebut dapat dilihat seperti di bawah ini:

Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	-
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l

م	m
ن	n
و	w
ه	h
ء	,
ي	y
ة	ah* / t

* Ditransliterasikan sebagai 'at' dalam konteks gabungan dua perkataan.

Dalam sistem vokal Arab ada vokal pendek, ada vokal panjang dan ada diftong.

1. Pendek	2. Panjang	3. Diftong
ا - a	آ - ā	اي - ay
ي - i	ي - ī	او - aw
و - u	و - ū	

Pedoman Transliterasi Perkataan Arab ke Ejaan Rumi. (2008). Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bahasa Arab mempunyai cabang ilmu yang sangat luas dan tatabahasa yang unik. Sistem tatabahasa bahasa Arab adalah sangat sistematik dan mempengaruhi pembinaan beberapa konsep dalam teori tatabahasa (Ryding 2005). Penguasaan aspek tatabahasa penting dalam pembelajaran bahasa terutamanya pembelajaran bahasa Arab. Selain itu, pelajar perlu menguasai dan mahir dalam kaedah sintaksis dan morfologi asas yang merupakan tunggak kepada struktur tatabahasa Arab (Mat Taib, 2006). Bahkan penekanan harus diberikan kepada bentuk atau pola perkataan dan perbezaannya (Mohd Rosdi & Mat Taib, 2006).

Sebagaimana yang diketahui umum, bahasa Arab mempunyai tiga komponen yang penting iaitu kata nama, kata kerja dan partikel. Memandangkan penguasaan tatabahasa masih lagi lemah dan semakin merosot (Hassan, 1996 & Mohd Zaini, 2012), pengkaji cuba mengetengahkan penguasaan dan kefahaman pelajar khususnya terhadap penentuan kata kerja bahasa Arab.

Selain itu, pengkaji akan menggunakan strategi pembelajaran tatabahasa (SPT) dalam penentuan kata kerja bahasa Arab. Hal ini dilaksanakan demikian kerana masih belum terdapat kajian strategi pembelajaran tatabahasa secara khusus dalam bahasa Arab, sebaliknya kajian strategi pembelajaran bahasa (SPB) boleh dikatakan lebih meluas kajiannya.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pembelajaran tatabahasa telah lama diperkenalkan kepada para pelajar aliran agama di Malaysia melalui institusi pendidikan agama di seluruh negara, bermula dengan sistem pendidikan pondok yang menawarkan pendidikan agama dan Arab yang bersifat tradisional (Azhar et al., 2006). Proses pembelajaran ketika itu adalah secara '*talaqqi*' iaitu dengan membaca kitab lama bersama guru dan kaedah nahu terjemah (Kamarul Shukri, 2009).

Pembelajaran tatabahasa adalah amat penting dalam kehidupan sejak berabad dahulu lagi. Hal ini dikatakan demikian kerana, tatabahasa dipelajari agar pengguna bahasa mampu berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Arab dengan baik serta dapat mempraktikkan kaedah itu dalam pembacaan dan penulisan bahasa Arab (Syaiful Mustofa, 2011).

Penguasaan kata kerja bahasa Arab merupakan faktor penting dalam menentukan kemampuan seseorang pelajar. Hal ini dapat dilihat dalam kajian lepas yang mengatakan tahap penguasaan pelajar dalam morfologi Arab masih lemah (Hassan, 1996 & Abdul Aziz, 1998). Manakala prestasi pelajar dalam penguasaan bahasa Arab khususnya morfologi Arab juga didapati semakin merosot (Mohd Zaini, 2012). Kata kerja memainkan peranan penting dalam bahasa Arab dan ia digunakan secara meluas dan boleh memberi pelbagai jenis makna selain mempunyai fungsi terutamanya dalam pengolahan dan penggunaannya dalam penulisan dan komunikasi.

Maka pengkaji cuba mengenengahkan mengenai penguasaan dan kefahaman pelajar khususnya terhadap penentuan kata kerja bahasa Arab melalui strategi pembelajaran tatabahasa. Oleh itu, kajian ini amat penting bagi menjawab persoalan yang timbul dalam kalangan pelajar bahasa Arab. Lantaran itu, pengkaji akan menggunakan strategi pembelajaran tatabahasa bagi menguasai dan memahami semasa menentukan kata kerja bahasa Arab.

1.3 Pernyataan Masalah

Kajian yang berkaitan dengan kata kerja bahasa Arab menunjukkan kesilapan terhadap penggunaan kata kerja dalam pembinaan ayat bahasa Arab ini berpunca daripada kegagalan pelajar yang tidak pasti penggunaannya dalam ayat walaupun mereka memahami makna tersebut (Abd. Rahman et al., 2010). Kesilapan berkaitan infleksi (Abdalla, 1996) dan derivasi perkataan juga menjadi punca kesilapan pelajar (Sulaiman, 1996). Kesilapan pemilihan kata kerja serta kesalahan dalam pengkategorian leksikal juga jelas menggambarkan kelemahan pelajar dalam menguasai kata kerja, sama ada dari aspek sistem kata mahupun kategori leksikal (Jassem, 2000), sedangkan kata kerja merupakan elemen utama yang perlu dikuasai pelajar apabila mempelajari tatabahasa Arab.

Selain itu, isu kelemahan pelajar Malaysia dalam menguasai tatabahasa Arab kerap menjadi perdebatan dalam kalangan sarjana. Misalnya, tahap penguasaan pelajar dalam morfologi Arab masih lagi lemah (Hassan, 1996). Malah, prestasi pelajar dalam penguasaan bahasa Arab khususnya morfologi Arab didapati semakin merosot (Mohd Zaini, 2012).

Kelemahan dalam pembelajaran tatabahasa bermula pada peringkat asas lagi, walaupun pelajar telah mendapat pendedahan yang banyak tentang pengajian tatabahasa Arab (Abdul Aziz, 1998). Antara perkara asas yang masih belum dikuasai pelajar ialah kelemahan dalam menentukan jenis kata kerja bahasa Arab.

Apabila membincangkan pembelajaran pula isu utama yang dititikberatkan oleh sarjana ialah strategi pembelajaran. Strategi pembelajaran merupakan cara yang berkesan bagi pelajar untuk menguasai isi kandungan pembelajaran. Kemampuan mereka menggunakan strategi pembelajaran bukan sahaja mampu meningkatkan pencapaian

mereka dalam pembelajaran, bahkan turut meningkatkan motivasi. Hal ini berlaku demikian kerana strategi pembelajaran membantu meningkatkan persepsi dan sikap pelajar terhadap pembelajaran ke arah yang lebih positif (Rubin et al., 2007).

Dalam konteks pembelajaran tatabahasa bahasa Arab, pelajar sewajarnya didedahkan dengan strategi pembelajaran tatabahasa agar memudahkan mereka menguasai mata pelajaran ini (Radzli, 1993), namun dapatan menunjukkan penggunaan strategi pembelajaran tatabahasa Arab secara keseluruhan dalam kalangan para pelajar adalah pada tahap sederhana (Suhaidah et al., 2014). Walaupun kajian terhadap penggunaan strategi pembelajaran tatabahasa telah dijalankan, namun kajian ini tidak menganalisis secara terperinci penggunaan strategi pembelajaran tatabahasa dalam menentukan jenis kata kerja, apatah lagi yang melibatkan jenis kata kerja; iaitu kata kerja kala lampau, kata kerja kini dan kata kerja imperatif yang mewakili kata dasar dan berimbuhan dalam pelbagai bentuk pola.

Seperti yang kita semua sedia maklum, perkara ini bukanlah mudah untuk diatasi kerana pembelajaran tatabahasa amat meluas dan sukar untuk dikuasai oleh pelajar. Banyak perkara asas dalam tatabahasa Arab masih tidak dikuasai oleh pelajar dan kesannya mereka tidak dapat menguasai tajuk lain yang diajar, kerana setiap tajuknya berkait rapat antara satu sama lain (Che Kamarudin, 1999). Hal ini turut diakui oleh Singleton (1999), dalam bukunya yang menyatakan: *"Without grammar very little can be conveyed"*. Justeru, kajian ini dijalankan untuk menganalisis secara khusus penentuan kata kerja bahasa Arab melalui SPT dalam kalangan pelajar IPTA.

1.4 Soalan Kajian

Berdasarkan permasalahan yang dikemukakan di atas, soalan kajian telah dibentuk bagi mendapatkan jawapan yang tepat agar matlamat kajian yang dijalankan ini tercapai sepenuhnya. Soalan kajian dapat dilihat seperti yang berikut:

1. Bagaimanakah pelajar menentukan kata kerja bahasa Arab melalui strategi pembelajaran tatabahasa (SPT) secara implisit?
2. Bagaimanakah pelajar menentukan kata kerja bahasa Arab melalui strategi pembelajaran tatabahasa (SPT) secara eksplisit?
3. Adakah terdapat kekeliruan pelajar dalam menentukan kata kerja bahasa Arab?

1.5 Objektif Kajian

Bagi menjawab soalan tersebut, dapatlah dirumuskan objektif kajian yang hendak dicapai dalam kajian ini, iaitu:

1. Mengenal pasti pelajar menentukan kata kerja bahasa Arab melalui SPT secara implisit.

2. Mengenal pasti pelajar menentukan kata kerja bahasa Arab melalui SPT secara eksplisit.
3. Menganalisis kekeliruan pelajar dalam menentukan kata kerja bahasa Arab.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharap dapat memberikan satu gambaran yang terperinci tentang bentuk strategi yang digunakan oleh pelajar semasa menentukan kata kerja bahasa Arab. Selain itu, kajian ini juga diharap dapat membantu pelajar memahami dan menguasai ilmu sintaksis dan morfologi Arab sebagai satu asas yang amat penting agar mereka dapat menguasai peringkat pembelajaran tatabahasa khususnya kata kerja bahasa Arab.

Di samping itu, kajian yang dilaksanakan ini juga akan mendedahkan kepada pelajar dan guru bahasa Arab kepentingan penggunaan SPT untuk menguasai kata kerja bahasa Arab. Pendedahan kepada SPT akan membantu pelajar meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan pemilihan strategi yang bersesuaian dengan corak pembelajaran mereka untuk menguasai kata kerja yang mencukupi.

Selain itu, kajian ini dapat memberikan maklumat kepada tenaga pengajar bahasa Arab tentang strategi yang digunakan oleh para pelajar dalam mempelajari tatabahasa Arab. Justeru, dapatan kajian ini boleh dijadikan rujukan untuk melakukan pelbagai usaha bagi mempertingkatkan lagi mutu pengajaran dan pembelajaran agar menjadi lebih berkesan.

Oleh itu, kajian ini juga diharapkan dapat menjadi pencetus kepada pencinta kajian ilmiah agar dapat mengambil faedah daripada hasil kajian ini dan merancang untuk menjalankan kajian seterusnya demi membantu para pelajar dan guru dalam pengajian bahasa Arab.

1.7 Batasan Kajian

Terdapat beberapa perkara yang menjadi batasan kepada kajian ini bagi memastikannya tidak terkeluar daripada batasan yang ditetapkan seperti yang berikut:

1. Skop kajian hanya tertumpu pada kata kerja dasar dan kata kerja berimbuhan kala lampau, kini dan imperatif bahasa Arab dan penggunaan kerangka konsep SPT.
2. Lokasi kajian adalah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Pemilihan lokasi ini kerana UPM mempunyai latar belakang pembelajaran bahasa Arab khususnya di Fakulti Bahasa Moden dan

Komunikasi. Responden terdiri daripada pelajar tahun akhir *Bachelor Bahasa Asing pengkhususan Bahasa Arab*. Selain itu, responden mestilah telah mengambil subjek BBA3213 dan BBA3214, iaitu Sintaksis Arab I dan II serta BBA3216 iaitu Morfologi, bagi memastikan bahawa pelajar telah mempelajari kata kerja bahasa Arab pada peringkat awal pengajiannya.

3. Penggunaan 20 pola yang diambil daripada pola kata kerja trilateral dasar dan trilateral berimbuhan, iaitu *فَعَّلَ*, *أَفْعَلَ*, *أَنْفَعَلَ*, *تَفَعَّلَ*, *اِفْتَعَلَ*, *تَفَاعَلَ*, *اِسْتَفْعَلَ*, *فَاعَلَ*, *اِفْعَلَ*, *اِسْتَفْعَلَ*, *فَاعَلَ*, *اِفْعَلَ* dan *اَفْعَلَ*. Pola ini berpadanan dengan perkataan kata kerja dan ayat yang dibina, bersesuaian dengan tahap pembelajaran responden. Ini kerana pola tersebut mempunyai bentuk yang sama tetapi berbeza baris, pola ini dipilih untuk mengetahui kewujudan masalah kekeliruan pelajar dalam penentuan kata kerja bahasa Arab atau sebaliknya.
4. Instrumen kajian terdiri daripada 21 item yang digunakan untuk mengumpul data daripada responden kajian.

1.8 Definisi Operasional

Pengkaji telah membuat definisi operasional yang berkaitan dengan kajian ini seperti yang berikut:

1.8.1 Kata Kerja Dasar

Kata kerja dasar merupakan kata kerja sama ada trilateral atau *rubā'iy* yang huruf-hurufnya membentuk kata dasar atau asal, contoh: *جَلَسَ* (Glosari Bahasa & Kesusasteraan Arab, 2004).

1.8.2 Kata Kerja Berimbuhan

Kata kerja ini merupakan kata kerja yang ditambah satu huruf atau lebih daripada kata kerja dasar seperti *أَكْرَمَ* (al-Ghalāyīnī, 1987).

1.8.3 Kata Kerja Trilateral

Kata kerja trilateral ialah kata kerja yang kata dasarnya terdiri daripada tiga huruf. Kata kerja trilateral terbahagi kepada dua iaitu kata kerja trilateral dasar dan kata kerja trilateral berimbuhan seperti *فَتَحَ* (Glosari Bahasa & Kesusasteraan Arab, 2004).

1.8.4 Kata Kerja *Rubā'iy*

Kata kerja *rubā'iy* pula iaitu kata dasarnya terdiri daripada empat huruf seperti وسوس (Glosari Bahasa & Kesusasteraan Arab, 2004).

1.8.5 Derivasi

Maksud derivasi ialah pembentukan perkataan daripada perkataan lain mengikut kaedah morfologi (Glosari Bahasa & Kesusasteraan Arab, 2004). Derivasi dari segi istilah ialah pengambilan satu kalimah dari satu kalimah yang lain dengan penyesuaian lafaz dan makna berserta suku kata perkataan tersebut tidak berubah mengikut susunan kata asal. Contoh perkataan مَكْتُوبٌ ertinya: *yang ditulis*, daripada perkataan كَتَبَ ertinya: *telah menulis*.

1.8.6 Infleksi

Infleksi ialah proses pembentukan kata atau pengetahuan tentang pelbagai undang-undang mengenai bentuk kata dan hurufnya baik yang asli, tambahan, kuat, lemah, mahupun yang menyerupainya (al- Ghalāyīnī, 1987). Dari segi istilah ialah ilmu asas untuk mengetahui keadaan pembentukan kata. Contoh: فَعَلَ – فَعَلًا – فَعَلُوا / فَعَلْتُ – فَعَلْتُمْ – فَعَلْنَا / فَعَلْتَ – فَعَلْتُمْ – فَعَلْنَا / فَعَلْتُمْ – فَعَلْتُمْ – فَعَلْتُمْ / فَعَلْتُمْ – فَعَلْتُمْ – فَعَلْتُمْ / فَعَلْتُمْ – فَعَلْتُمْ – فَعَلْتُمْ.

1.8.7 Strategi Pembelajaran Tatabahasa (SPT)

Strategi pembelajaran tatabahasa merupakan tindakan dan pemikiran pelajar secara sedar dan digunakan untuk menjadikan pembelajaran tatabahasa atau penggunaan tatabahasa yang lebih mudah, lebih berkesan, lebih cekap dan lebih menyeronokkan (Oxford, 1990; Oxford, Rang Lee & Park, 2007).

1.8.8 Tatabahasa

Tatabahasa ialah peraturan yang membina bentuk-bentuk bahasa (kata, frasa dan ayat) yang betul bagi sesuatu bahasa tertentu (Awang Sariyan, 2002). Dalam bahasa Arab tatabahasa dikenali sebagai *qawā'id* yang bermaksud ilmu tentang pembentukan kata dan pembinaan ayat.

1.8.9 Pembelajaran secara Implisit

Pembelajaran secara implisit ialah pembelajaran tanpa perhatian secara sadar. Responden dapat menggunakan struktur tatabahasa yang tepat, bermakna dan betul (Brown, 2007).

1.8.10 Pembelajaran secara Eksplisit

Pembelajaran secara eksplisit pula ialah pembelajaran yang melibatkan kesedaran dan tujuan dengan cara memberi arahan secara jelas dan berstruktur manakala penerima dapat memahami maksud arahan yang diberikan kepadanya (Brown, 2007).

1.9 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan secara ringkas kajian ini mengkaji penentuan kata kerja bahasa Arab melalui strategi pembelajaran tatabahasa (SPT) dalam kalangan pelajar. Bab ini telah membincangkan latar belakang kajian dan pernyataan masalah yang merupakan nadi dalam menggerakkan penyelidikan ini. Selain itu, pengkaji telah menyatakan objektif kajian beserta dengan kepentingan kajian. Pengkaji juga membuat batasan kajian dan definisi operasional.

RUJUKAN

A: Melayu

Abd Rahman Jamaan, Farhana Idris & Munirah Azrae. (2010). *Pembinaan Ayat Bahasa Arab*. Shah Alam: UiTM.

Abd. Rauf Hassan, Abdul Halim Salleh & Khairul Amin Mohd Zain. (2005). *Kamus: Bahasa Melayu-Bahasa Arab: Bahasa Arab-Bahasa Melayu*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Abdul Aziz Musa. (1998). *Pengajaran Nahu Bahasa Arab: Satu Kajian Kes di Maahad Muhammadi, Kota Bharu, Kelantan*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Abdul Ghani Hassan. (1999). *Kesilapan Membina Ayat Asas dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.

Abu Talib Abdullah. (1998). *Gaya dan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Tingkatan 4 Daerah Johor Bahru*. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

Ahmad Kilani Mohamed. (2001). *Teori Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama di Malaysia*. Skudai: UTM.

Awang Sariyan. 2002a. *Ceritera Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Azhar bin Muhamad, Abdul Hafiz bin Abdullah, Bushroh bt Basiron, Kamarul Azmi bin Jasmi & Sulaiman Shakib bin Mohd. Nor. (2006). *Penguasaan Pelajar Sekolah Menengah Aliran Agama Terhadap Pengajian Ilmu Retorik Arab*. Projek Penyelidikan, Pusat Penyelidikan Islam dan Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia.

Che Kamarudin Kamel Che Muhammad. (1999). *Satu Kajian Penguasaan Nahu Bahasa Arab Peringkat Menengah Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Arab*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.

Che Radiah Mezah. (1995). *Kesilapan Bahasa Dalam Karangan Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Melayu*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Che Radiah Mezah. (2009). *Kesilapan Leksikal dalam Pembelajaran Bahasa Arab*. Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.

Fahrurrozi, Azis & Erta Mahyudin. (2009). *Pembelajaran Bahasa Arab*. Jakarta: Departemen Agama Republik Indonesia.

Fuad Ismail. (2009). *Kamus al-Farid*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.

Hashim Mat Zin. (2009). *Penguasaan Kata Kerja Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.

Hassan Basri A.M. Dahan. (1996). Analisis Kesilapan dalam Penulisan Bahasa Arab: Satu Kajian Terhadap Pelajar Tahun Akhir Akademi Islam Universiti Malaya. *Jurnal Pendidikan*. 17: 81-96.

Ishak Mohd. Rejab, Muhammad Bukhari Lubis, Talib Abdul Rahman, Mohammad Zaki Abdul Rahman & Sirajuddin Suhaimee. (2004). *Glosari Bahasa dan Kesusasteraan Arab*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamarudin Hj. Husin & Siti Hajar Hj. Abdul aziz. (2004). *Pedagogi Asas Pendidikan*. Kuala Lumpur: Kayazano Enterprise.

Kamarul Shukri Mat Teh. (2009). *Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan. Bangi: Univesiti Kebangsaan Malaysia.

Kamarul Shukri, Mohamed Amin, Nik Rahimi & Zamri Mahmood. (2009). Strategi Metafizik: Kesenambungan Penerokaan Domain Utama Pembelajaran Bahasa. *GEMA Online™ Journal of Studies*, 9(2), 1–13.

M. Sholahuddin Shofwan. (2005). *Pengantar Memahami ALFIYAH Ibnu Malik*. Cet. 2. Jilid 1. Jombang: Darul Hikmah.

Mohammad Shiham Mahfuz. (2010). *Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Kolej Mara Banting*. Bahan tidak terbit, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd. Majid Konting. (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Majid Konting. (2009). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Puzhi Usop, Mohd Azrul Azlen Abd Hamid, Marzidah Hashim, Norasmazura Muhammad & Raja Munirah Raja Sulaiman. (2009). *Kamus Al-Farid: Arab-Arab-Inggeris-Melayu*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.

Mohd Rosdi Ismail & Mat Taib Pa, (2006). *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Mohd Zaini Sejo. (2012). Penekanan Ilmu Morfologi Dalam Buku Teks Bahasa Arab Kurikulum Baru Sekolah Menengah. Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12).

Muhamad Mustafa. (1995). *Masalah Dalam Pembelajaran Nahu Arab*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Nik Farhan Mustapha. (2002). *Tahap Penguasaan Kata Berimbuhan di Kalangan Pelajar Tinjauan di UPM*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (1997). *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Noraini. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

Noresah Baharom. (2002). *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Noresah Baharom. (2010). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nurazan Mohmad Rouyan. (2004). *Strategi Pembelajaran Bahasa Dalam Pembelajaran Bahasa Arab: Kajian di KUSZA*. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Othman Lebar. (2009). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim: Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Othman Talib. (2013). *ATLAS.ti Pengenalan Analisis Data Kualitatif 140 Ilustrasi Langkah Demi Langkah*. Bangi: MPWS rich resources.

Radzli Hashim. (1993). Kemahiran Belajar. Wawasan 34-39.

Suhaidah Abdul Samat, Sofian Abdullah & Kamarulzaman Abdul Ghani. (2014). Penggunaan Strategi Pembelajaran Nahu Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama di Negeri Perak. Special Issue of ICIED. *The Online Journal of Islamic Education*.

Sulaiman Hj. Ismail. (1996). *Analisis Kesilapan Frasa Adjektif Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Melayu*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Supian Mohd Noor. (2003). *Strategi Pemerolehan Ayat Satu Dasar*. Tesis Ph.D. yang tidak diterbitkan, Universiti Putra Malaysia, Serdang.

Syaiful Mustafa. (2011). *Strategi Pembelajaran Bahasa Arab Inovatif*. Maling: UIN Maliki Press.

Zamri Mahamod. (2004). *Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Melayu Sekolah Menengah*. Tesis Ph.D, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

_____. (2008). *Pedoman Transliterasi Perkataan Arab ke Ejaan Rumi*. (Ed. Ke-2). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

B: Inggeris

Abdalla, Adil Elsheikh. (1996). *An Error Analysis Of The Written Arabic Of Malay Students*. Tesis Dr. Fal. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Alosh, Mahdi. (1997). *Learner, Text and Context in Foreign Language Acquisition: An Arabic Perspective*. Columbus: The Ohio State University National Foreign Language Resource Center.

- Bauer, L. (2001). *Introducing Linguistic Morphology*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Brown, H. D. (2007). *Principles of Language Learning and Teaching*. New York: Addison Wesley Longman, Inc.
- Bruen, J. (2001). Strategies for success: Profiling the effective learner of German. *Foreign Language Annals*, 34, 216-225.
- Chamot, A. U., P. Beard El-Dinary & J. Robbins. (1999). *The Learning Strategies Handbook*. White Plains, New York: Addison Wesley.
- Cohen, A & Macaro, E. (2007). *Language Learner Strategies: Thirty Years of Research and Practice*. Oxford: Oxford University Press.
- Cook, Vivian. (2008). *Second Language Learning and Language Teaching*. London: Hodder Education.
- Dkhissi, Yahya. (2013). An Integrative Model of Grammar Teaching: from Academic to Communicative Needs. *Arab World English Journal: Volume.4 Number.1*, 2013 pp. 239- 256.
- Ellis, Rod, et al. (2009). *Implicit and Explicit Knowledge in Second Language Learning, Testing and Teaching*. Bristol: Multilingual Matters.
- Haywood, J.A. and H.M. Nahmad. (1962). *A New Arabic Grammar of The Written Language*. London: Percy Lund, Humphries & Co. LTD.
- Jassem, J. A. (2000). *Study on Second Language Learners of Arabic: An Error Analysis Approach*. Kuala Lumpur: A.S.Noordeen.
- Lim Seng Leong. (2008). The Language Learning Strategies of Malay Educated and Chinese Educated Learner in Malaysian Secondary School. Proceedings of 3rd International Language Learning Conference.
- Oxford, R. (1990). *Language Learning Strategies: What Every Teacher Should Know*. New York: Newbury House / Harper & Row.

Oxford, R.L. (1990). *Language Learning strategies*. USA: Heinle and Heinle Publishers.

Oxford, R. L., Rang Lee, K. & Park, G. (2007). *L2 Grammar Strategies: the Second Cinderella and Beyond*. In Cohen, A. D. and Macaro, E. (eds). 2007. 117-139.

Pawlak, M. (2009). *Grammar learning strategies and language attainment: Seeking a relationship*. Research in Language, 7, 43-60.

Punch, K.F. (2001). *Introduction To Social Research Quantitative and Qualitative Approaches*. London: Sage.

Richard, J.C. & Schmidt, R. (Eds.). (2002). *Longman Dictionary Of Language Teaching And Applied Linguistics (3rd ed.)*. London: Longman.

Robson, C. (2002). *Real World Research: A Resource for Social Scientists and Practitioner-researcher*. (2nd ed.). Oxford: Blackwell.

Rosyati Abdul Rashid. (2003). The Employment of Language Learning Strategies Among University Students. Kertas Kerja 2nd International Seminar on Learning and Motivation. Universiti Utara Malaysia, 13-15 Oktober.

Rubin, J., Chamot, A.U., Harris, V & Anderson, N.J. (2007). Intervening in The Use of Strategies. In Language Learner Strategies Edited by A.D. Cohen & E. Macaro. 2008. Oxford Univwesity Press.

Ryding, K.C. (2005). *A Reference Grammar of Modern Standard Arabic*. Cambridge University Press.

Singleton, D. (1999). *Exploring The Second Language Mental Lexicon*. Cambridge: Cambridge University Press.

Spolsky, Bernard. (1999). *Concise Encyclopedia of Educational Linguistics*. Oxford: Elsevier Science Ltd.

Taba, H. (1962). *Curriculum Development: Theory And Practice*. New York, NY: Harcourt, Brace & World.

Tan, T.G. (2008). Language Learning Strategies Used by Malay Students Learning Mandarin as a Third Language. Kertas Kerja 3rd International Language Learning Conference. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 29-31 Oktober.

C: Arab

‘Abd al-Ḥamīd, Muḥammad Muhyiddīn. (1989). *al-Tuhfat al-Saniyyat bi Syarḥ al-Muqaddimat al-Ajrūmiyyat*. Maktabat al-Sunnat.

al-Busrawi, Aladdin. (2000). *Qawā‘d al-Busrawi’yati Fi al-Naḥw*. Beirut: al-Resalah Publishing House.

al-Daḥdah, A. (1982). *Mu‘jam Lughat an-Naḥw al-‘Arabīy*. Beirut: Maktabah Lubnan.

al-Faḍli, ‘Abd. al-Ḥādī. (1980). *Mukhtaṣār al-Naḥw*. Jeddah: Dār al-Shurūq.

George Mitri Abdul Masih. (2004). *Mu‘jam Taṣrīf al-Af‘āl al-‘Arabīyyat*. Beirut: Maktabah Lubnan Nasyirun.

al-Ghalāyīnīy, Muṣṭafā. (1987). *Jāmi‘ ad-Durūs al-‘Arabīyyat*. Beirut: al-Maktabah al-‘ṣriyyah.

Ḥasan, Abbās. (1970). *al-Naḥw al-Wāfi*. Cet.5. Mesir: Dar al-Ma‘arif.

Ibn Mālik, abū ‘Abdu’l-Lāh Jamālu’l-Dīn Muḥammad ibn ‘Abdi’l-Lāh. (2002). *Sharḥ al-Kāfiyah al-Shāfiyah*. Mu‘awwad, ‘Alī Muḥammad & ‘Abdu’l-Mawjūd, ‘Ódil Aḥmad (ptah). Jil. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Muḥammad Ḥamasat ‘Abd al-Latīf, Aḥmad Mukhtar ‘Umar & Muṣṭafa al-Naḥḥas Zahran. (2005). *al-Naḥw al-Asāsiy*. Kaherah: Darul Fikr al-‘Arabīy.

Nik Farhan Mustapha. (2011). *Istratijiyyat al-Qirāḥ Lada Talabah Lughat al-‘rabiyyah Fī Jami‘at Putra Maliziyyah Wa Madā Ta‘Thīruhā ‘Alā Mustawā Istī‘ābihim al-Qirā‘Iyy*. Tesis Ph.D. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

al- Niqrāt, Abdullah Muhammad. (2003). *al-Shāmil fī al-Lughat al-‘Arabīyyat*. Ben Ghazi Libya: Dār Kitāb Nataniyyat.

Ni'mat, Fuad. (1973). *Mulakkhas Fi: Qawā'd al-Lughat al-'Arabiyyat*. Damsyik: Darul Hikmah.

al-Qahtani, Duleim Masoud. (2003). *A Dictionary of Arabic Verb: With an Introduction*. Beirut: Maktabah Lubnan Nāshirūn.

D: Laman Web

https://ms.wikipedia.org/wiki/Tatabahasa_bahasa_Arab

<https://www.slideshare.net/aejud/mengenai-struktur-bahasa-arabbelajar-grammar-bahasa-arab>